

Dr. M terkenang masa kecil di Pekan Rabu

ALOR SETAR, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed menegaskan, Kerajaan memberikan bantuan kepada peniaga-peniaga Bumiputera bukan dengan tujuan membelakangkan peniaga lain keturunan.

Beliau berkata, bantuan itu dilakukan bagi menolong peniaga-peniaga Bumiputera yang masih lagi ketinggalan di belakang jika

dibandingkan dengan peniaga-peniaga lain di negara ini.

Berucap merasmikan jejantas pertama di bandar ini petang ini, beliau berkata Kerajaan terpaksa memberikan pertolongan lebih banyak kepada peniaga Bumiputera untuk mencapai persamaan di bidang itu.

Timbalan Perdana Menteri menyeru ahli-ahli perniagaan Pekan Rabu mengikut langkah peniaga-peniaga

bukan Bumiputera jika mereka ingin maju di lapangan perniagaan.

Katanya, mereka hendaklah menyusun barang-barang dengan lebih kemas dan teratur seperti yang dilakukan oleh peniaga-peniaga bukan Bumiputera bagi menarik perhatian pelanggan.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menasihatkan mereka menjaga kebersihan gerai-gerai kerana ia merupakan satu cara menarik perhatian orang ramal singgah di gerai mereka.

Pekan Rabu, katanya, ialah tempat beliau memulakan perniagaan di masa kecil dahulu.

Menurutnya, Pekan Rabu yang merupakan lambang kejayaan peniaga-peniaga Bumiputera di negeri ini, haruslah ditingkatkan lagi kejayaannya hingga menjadi kebanggaan seluruh negara.

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan kebersihan Pekan Rabu.

Hadiah pertama dimenangi oleh Encik Harun bin Rejab yang menerima wang tunai \$1,000 dan sebuah perisai.

Tempat kedua diduduki oleh Encik Abdul Rashid bin Ahmad yang menerima wang tunai \$500 dan sebuah perisai, dan ketiga Encik Abdul Kadir bin Yaakob menerima wang tunai \$200 dengan sebuah perisai.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia